

*Literasi Bukanlah Satu Anugerah,  
Tetapi Ia Adalah Hak Setiap Kanak-kanak*

## KURSUS INTENSIF

# KAEDAH MENGAJAR MEMBACA BAHASA MELAYU melalui PENDEKATAN FONIK GABUNG BUNYI

# Bacalah Anakku

Penyampai

**OTHMAN B AHAMAD dan / atau NIK ELIANI BT NIK NAWI**

Penulis Siri Cepat Membaca Bacalah Anakku & ReadEasy  
Konsultan Fonik untuk Buku Teks English Year 1 & 2 (2011 - 2016)



**ReadNetwork**

**Pejabat Urusan**

Unit E-65-1, Block E, Platinum Walk  
No 2 Jalan Langkawi, Taman Danau Kota  
53300 Gombak, Kuala Lumpur  
Tel: 03-4143 5440 | Faks: 03-4143 5441  
SMS: 018-367 7706 | email: admin@readnetwork.com

**Unit Prasekolah**

Unit E-57-1, Block E, Platinum Walk  
No 2 Jalan Langkawi, Taman Danau Kota  
53300 Gombak, Kuala Lumpur  
Tel: 03-4143 5403 | Faks: 03-4143 5404  
Email: readeasy2004@yahoo.com



## Artikel 1

# Kelebihan kaedah fonik gabung-bunyi Bacalah Anakku

Melalui kaedah fonik gabung-bunyi Bacalah Anakku dan ReadEasy anda **TIDAK PERLU MENGAJAR A,B,C** kerana ABC tidak bermakna kepada kanak-kanak. Mereka hanya perlu tahu **BUNYI** yang dikaitkan dengan simbol ( huruf ) yang diajar sahaja.

Mereka tidak perlu bersusah payah membaca dengan menghafal abjad dan menghafal pola suku kata sama ada dengan mengeja atau mengecam kerana terlalu banyak pola yang perlu dihafal dan sangat mengejirukan. Melalui kaedah fonik , mereka hanya perlu **MENGGABUNG BUNYI** sahaja untuk membaca.

Dengan menggabung bunyi , kanak-kanak TERUS MEMBACA bukan sahaja perkataan mudah tetapi juga perkataan yang panjang dengan **CEPAT DAN LANCAR** walaupun baru berusia 3 atau 4 tahun.

Hanya dengan sekurang-kurangnya 19 bunyi , kanak-kanak dapat membaca dalam tempoh yang singkat - 2 minggu hingga 3 bulan - tanpa perlu bersusah payah sepanjang tempoh belajar. Seawal pada Buku 3, anak anda telah menjadi '*independent reader*' pada **USIA AWAL**

Dengan kebolehan mereka mengecam simbol dan bunyi pada usia awal, ramai kanak-kanak boleh menulis dengan sendiri. Apatah lagi sekiranya mereka diajar menulis, mereka boleh **MENULIS KARANGAN** awal pada usia 6 tahun.

Dengan kaedah gabung bunyi, kanak-kanak dapat membaca dalam Bahasa Inggeris dengan mudah kerana menggunakan teknik yang sama, kecuali bunyi yang berlainan, kanak-kanak mampu **MEMBACA BAHASA INGGERIS** dengan lancar. Bahkan, terdapat 21 bunyi huruf yang diajar dalam bahasa Malaysia mempunyai bunyi yang sama dalam bahasa Inggeris.

## NOTA



*Bacalah Anakku*  
mengandungi 8 buah  
buku, 1 CD dan Buku  
panduan  
Harga RM 39.90  
( 0% GST )

## TAHUKAH ANDA ?

*Bacalah Anakku*  
telah mula  
digunakan  
pada tahun  
1995 dan mula  
dicetak pada  
September  
1996 di  
Kota Bharu,  
Kelantan.

## Artikel 2

# Kekeliruan mengenai kaedah fonik - Satu Penjelasan

NOTA

### Ada yang keliru kenapa tak perlu ajar ABC ?

Ya memang benar. Dalam kaedah fonik, kanak-kanak hanya perlu tahu bunyi sebab bunyi itu lah yang membantu kanak-kanak membunyikan perkataan. Jika ABC diajar juga , usaha ini akan mengelirukan kanak-kanak kerana satu bermakna ( bunyi ) tetapi satu lagi tidak bermakna ( nama huruf ).

### Ada yang keliru bagaimana hendak membaca kalau tidak disebut ejaaanya ?

Apabila kanak-kanak membunyikan bunyi huruf yang ada pada sesuatu perkataan, secara tidak langsung perkataan itu disebut. Cuba gabungkan bunyi ‘m’ dan ‘a’. Tidakkah ia akan menjadi ‘ma’? Jika nama huruf ‘em’ [ m ] disebut bersama ‘ei’ [ a ] ia akan jadi ‘emei’ bukannya ‘ma’. Logik . Jadi dengan menyebut bunyi kanak-kanak terus membaca.

### Ada yang keliru bila pulak nak ajar ABC ( nama huruf ) ?

Selepas mereka telah dapat membaca nanti. ABC boleh diajar sambil menyanyi secara tidak langsung hanya untuk mereka kenal nama-nama huruf. Tapi pada masa ini mereka akan membaca dengan kaedah bunyi.

### Bagaimana nanti jika mereka bersekolah rendah ?

Ya , memang malang sebab di sekolah rendah masih menggunakan kaedah mengeja. Bagaimanapun, jika anak anda telah dapat membaca lancar, jika mereka diminta mengeja pun mereka tahu bahawa ‘m’ ‘a’ ialah ‘ma’ . Mereka tak perlu hafal-hafal lagi. Jika mereka telah diajar nama huruf nanti mereka boleh mengeja seperti orang dewasa. Tetapi baik juga jika ibu bapa memaklumkan kepada guru kelas bahawa anak tuan/ puan telah dapat membaca menggunakan kaedah fonik.

### Boleh ajar nama huruf dan bunyi sekaligus ?

Tidak digalakkan agar mereka tidak keliru. Walaupun mereka telah tahu nama-nama huruf, pastikan anda hanya menyebut bunyi dan beri galakan supaya mereka menyebut bunyi sahaja.

### Anak telah tahu bunyi tetapi tidak dapat menggabung bunyi ?

Perlu latihan gabung bunyi secara hands-on. Kadang-kadang mereka perlu ikut dulu cara menyebut gabungan bunyi yang diajar atau ada kanak-kanak perlu menyebut bunyi satu persatu sebelum menggabung bunyi. Melalui latihan mereka akan menjadi lebih matang dalam masa yang singkat . Apabila mereka dapat menggabung bunyi, mereka akan gabung semua bunyi yang dipelajari.

### Bolehkah mereka menulis ?

Sudah tentu. Anak yang dapat membaca biasakan mereka telah mengecam bunyi dan simbol yang digunakan. Dengan pengetahuan itu, mereka dapat menulis huruf yang mewakili bunyi yang hendak dituliskan. Secara tidak langsung mereka akan menulis perkataan tersebut. Dengan sedikit bimbingan mereka dapat menulis karangan nanti.

### TAHUKAH ANDA ?

Kementerian Pelajaran Brunei DS telah menggunakan Bacalah Anakku sebagai siri cepat membaca untuk kanak-kanak prasekolah dan Tahun 1 semenjak tahun 2009

## Artikel 3

### Keistimewaan

### Bacalah Anakku

Susunannya yang sistematik berdasarkan kaedah fonetik dan format penulisan yang disesuaikan untuk kanak-kanak...

- 1 Dimulakan dengan 3 vokal yang mudah disebut

a i u

- 2 dan 5 konsonan asas yang penting dalam bahasa Melayu

b n m k s

- 3 hanya dengan mem-bunyikan bunyi huruf bukan men-genal nama huruf contohnya huruf ‘b’ bunyinya /beh/ ‘a’ bunyinya /a/

b...b...b

- 4 merangsang bunyi yang diajar dengan bunyi awal pada perkataan yang hampir dengan kanak-kanak contohnya

ani



- 5 menggunakan dua warna - merah dan hitam untuk membantu pengecaman koordinasi mata-tangan semasa membaca teks

ma...na

ma...na  
a..ni  
mana  
ani  
mana ani

- 6 menggunakan konsep gabung bunyi untuk membaca sukukata tertutup, akhiran serta gabungan pelbagai suku kata ( multi-syllables words )

da..n  
ba...dan

dan  
badap

- 7 mengukuhkan pembacaan melalui teks yang tersusun, bermakna dan berima

nani suka baca  
buku.

Tiba-tiba Pak Cik Sana  
tercegat. Mamat terkejut  
puat. Razak pula menjerit  
merajat. “Ahi laju,” katanya

Beli Secara  
ONLINE  
  
SILA KE  
www.  
readnetwork.  
sto.my



#### TAHUKAH ANDA ?

Kaedah fonik gabung bunyi adalah kaedah yang fitrah sesuai dengan cara otak membaca.

## Latihan 1

### Bunyi dalam Bahasa Malaysia

a i u b n m

s k t c y p

d g h l r f

w z j o e e

ng ny sy kh

ai au ia iu

ui ua io oi

#### NOTA

*Di dalam perkataan 'xilofon', 'x' bunyinya /z/*

v

q

gh

#### TAHUKAH ANDA ?

Hanya terdapat 28 bunyi yang penting sahaja dalam Bahasa Malaysia yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak supaya mereka dapat membaca semua perkataan dengan menggabung bunyi.

Aksi terkena api atau benda panas sambil menyebut 'aaaaa ... panasnya'

## Latihan 2

# Latihan Asosiasi

**a**

Aksi terkena api atau berpanas sambil menyebut 'aaaa... panasnya'

**i**

Aksi geli apabila mengeletek pinggang atau bahagian badan yang lain sambil menyebut 'iiii...gelinya'.

**u**

Aksi jari berjalan di atas tangan sambil menyebut bunyi 'uuuuu' ulat.

**n**

Aksi membawa kereta baru yang dipecut dengan laju dengan bunyi enjin yang kuat. 'nn..n.. nn...nnnn.'

**m**

Aksi memakan kuih atau coklat yang sedap sambil menggosok perut dengan menyebut 'mmmm..sedapnya.'

**s**

Aksi membuat pergerakan ular dengan tangan sambil membunyikan 'sssss'.

**k**

Aksi kesejukan sehingga mengeletar dan gigi bergetar sambil membunyikan 'kkkkkk'

**t**

Aksi menembak dengan pistol atau senapang sambil membunyikan 'ttt.t..t...t...'

**c**

Aksi pergerakan tangan sebagai roda keretapi dengan membunyikan enjannya 'c..c..c.c.c.ccc'.

**y**

Aksi bermain yo-yo dengan menggerakkan jari ke atas ke bawah dalam bentuk 'y' sambil menyebut 'y..y..y...yoyo'

**p**

Aksi pergerakan bermain dengan pedang sambil membunyikan 'pppp....'

**g**

Aksi muka yang geram dan menderam dengan bunyi 'g..g..g..g..geramnya...'

**h**

Aksi orang keletihan sehingga tercungap-cungap dengan bunyi 'hhhh'

**l**

Aksi pergerakan konduktor orkestra sambil menyanyikan satu lagu dengan iringan 'l..l..l..'

**r**

Aksi lumba motor iaitu dengan memegang 'handle' motor sambil menyebut 'rrrrr rrrr'.

**d**

Aksi berdebar dengan menggerakkan tangan naik turun di bahagian dada sambil menyebut 'ddddd...'

**j**

Aksi bersenam jerobik dengan menggerakkan jari ke atas, bawah, kanan dan kiri sambil menyebut 'j..j..j..j..'

**w**

Aksi meniup wisel sambil menyebut 'w..w..w..w..'

**f**

Aksi pergerakan feri sambil menyebut 'f..f..f..f..'



## NOTA

Latihan asosiasi menggabungkan satu aksi yang relevan dengan bunyi yang diajar.

Membantu meningkatkan memori kanak-kanak untuk mengingat bunyi dan simbol.



Poster Asosiasi Bunyi untuk membantu guru dan kanak-kanak dalam kelas

RM 3.00  
( 0% GST)

# Panduan 1

## Teknik Mengajar

NOTA

### Langkah 1

#### Memperkenalkan Bunyi

Dapatkan perhatian kanak-kanak :

“Hari ini cikgu nak ajar satu bunyi baru. Nak dengar tak?”

“Dengar elok-elok dan lihat mulut cikgu.”

Tunjukkan kedudukan mulut dan lidah sebelum menyebut bunyi.

Selepas itu sebut bunyi tersebut 5 kali.

“Bunyi apa yang kamu dengar?”

Puji kanak-kanak jika mereka sebut bunyi yang betul.

### Langkah 2

#### Ulang sebut bunyi melalui latihan asosiasi

Ulang bersama kanak-kanak

“Cuba sebut ( bunyi ) lima kali”

Perkenalkan aksi asosiasi

“Bunyi ( bunyi ) macam ... “ dan tunjukkan aksi tersebut.

Ajak kanak-kanak melakonkan aksi sambil menyebut bunyi ( bunyi )

“ Bunyi apa kita belajar hari ni..?”

Minta setiap pelajar ulang bunyi tersebut secara bergilir-gilir.

### Langkah 3

#### Memperkenalkan Simbol

Tunjukkan simbol sebagaimana berikut:

“Ini bunyi ( bunyi )?”

“Bunyi apa ni ?”

“Sebut bunyi ( bunyi ) 5 kali “

“ Ini bunyi ( bunyi ) “

Kaitkan bunyi dengan aksi yang diajarkan

“ Bunyi ( bunyi ) macam bunyi orang.....”

“ Mana bunyi ( bunyi ) “

Minta setiap pelajar ulang bunyi tersebut secara bergilir-gilir sambil

membawa kad simbol tersebut kepada kanak-kanak

### TAHUKAH ANDA ?

Mengikut pandangan penulis buku Why Children Can't Read , Dr Diane McGuinness, mengajar ABC 'is the first road block to reading'

# Panduan 1

## Teknik Mengajar

NOTA


### Langkah 4

#### Mengingat bunyi

Buat aktiviti Latihan Asosiasi melalui permainan kreatif yang dapat meningkatkan ingatan kanak-kanak kepada bunyi yang diajarkan.

Contohnya: Melakukan aktiviti latihan asosiasi ‘n’ dengan mengadakan pertandingan lumba kereta sambil kanak-kanak berlari dengan *steering* kereta sambil menyebut bunyi ‘nnn’

Lihat beberapa cadangan dalam *Buku Permainan Kreatif*



Set CD Lagu &  
Kad Huruf

mengandungi kad huruf  
untuk mengajar bunyi  
dan lagu Abu Ada Ayam  
dalam dua versi

RM 24.90  
( 0% GST)

### Langkah 5

#### Mengingat bentuk dan rupa huruf

Sentuh kad huruf berpasir , mengikut cara huruf ditulis.  
Membentuk huruf menggunakan plastisin atau *playdough*  
Menggunting kertas warna dan menampal pada lakaran -lakaran huruf.  
Menulis huruf menggunakan cat air dengan jari  
Mewarna huruf  
Melakukan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dalam  
**Buku Aktiviti Fonetik Ekspres 1 dan 2**

### Langkah 6

#### Memperkenalkan huruf di dalam buku

Tunjukkan huruf yang diajar di dalam buku yang berkaitan.  
Ulang sebut bunyi sambil menunjukkan huruf.  
Minta kanak-kanak cari huruf yang sama bunyinya pada muka surat lain.

*Peringatan :* Semakan secara tidak langsung perlu dilakukan sepanjang pengajaran dan pembelajaran.

#### TAHUKAH ANDA ?

Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak belajar membaca paling berkesan melalui ‘sensory play’ iaitu dengan menggunakan deria mata, telinga dan sentuhan sekaligus

# Panduan 2

## Mengajar Gabung-Bunyi

### Aktiviti 1

#### Gabung bunyi lisan

Berdasarkan beberapa bunyi awal dalam Buku 1, guru boleh melatih kanak-kanak menggabung bunyi secara lisan. Dengarkan kepada mereka 2 bunyi yang diajar , contohnya sebutkan bunyi /n/ dan /i/ , mula-mula perlahan, dan kemudian cepat-cepat dan minta mereka gabungkan bunyi tersebut secara lisan menjadi suku kata.

Rujuk **Buku Permainan Kreatif**  
untuk ilustrasi contoh

### NOTA



*Permainan Kreatif  
mengandungi panduan  
untuk guru mengajar  
gabung bunyi dan  
permainan yang sesuai  
untuk dilaksanakan di  
dalam kelas / rumah  
dengan berkesan*

RM 10.00  
( 0% GST)

### Aktiviti 2

#### Gabung bunyi kad

Buat aktiviti asas gabung-bunyi dengan menggerakkan dua keping kad ( konsonan dan vokal ) bagi membina gabungan bunyi 2 huruf , sebagaimana berikut :

1. Guru menyebut bunyi sambil menggerakkan kad
2. Kanak-kanak menyebut bunyi bersama-sama guru
3. Kanak-kanak menyebut bunyi dan guru hanya menggerakkan kad



### Kad Tarik

*Kad manila dan strip  
plastik untuk dibuat alat  
bantu mengajar*

RM 5.00  
( 0% GST)

### AKtiviti 3

#### Latihan praktikal gabung bunyi (hands-on)

Memberi peluang kepada kanak-kanak melakukan aktiviti gabungan bunyi melalui kad-kad huruf menggunakan Carta Poket Mini semasa mengajar Buku 1 - 2 dan menggunakan Kad Tarik semasa mengajar Buku 3 - 5. Lakukan aktiviti berikut :

1. Lihat dan Buat - guru tunjuk kad suku kata ( 2 bunyi ) dan kanak-kanak menggabungkan kad mereka sambil membaca
2. Dengar dan Buat - guru menyebut gabungan bunyi ( suku kata ) dan kanak-kanak menggabungkan kad.

### TAHUKAH ANDA ?

*Kajian  
menunjukkan  
pengajaran  
fonik yang  
sistematisik lebih  
baik untuk  
membaca,  
menulis  
dan menulis  
karangan awal*

# Panduan 2

## Mengajar Gabung-Bunyi

### Aktiviti 4

#### Melancarkan bacaan melalui aktiviti rantaian bunyi

Guna kad-kad dalam **Set Kad Imbasan Bacalah Anakku** untuk mengajar membaca gabungan bunyi dalam perkataan yang panjang ataupun untuk pengukuhan dengan melakukan aktiviti berikut :

1. Tukar ganti kad dengan kad bunyi yang berbeza dalam suku kata (manipulasi bunyi)
2. Menukar kedudukan kad dalam perkataan (manipulasi bunyi)
3. Menambah-nambah kad bunyi menjadi satu perkataan panjang (rantaian bunyi)

### Aktiviti 5

#### Membaca teks

Baca teks di dalam buku berdasarkan gabungan bunyi dan perkataan yang diajar. Bantu koordinasi mata-tangan dengan menggunakan jari semasa menunjukkan teks dari kiri ke kanan. Bantu mereka dengan menyebut bunyi awal jika mereka tidak pasti untuk membaca, beri banyak sokongan, pujian dan galakan setiap kali mereka berjaya membaca perkataan dan ayat di dalam buku.

### Aktiviti 6

#### Mengeja lisan menggunakan jari

### Aktiviti 7

#### Menulis

Bagi kanak-kanak berusia 5 tahun lebih, gabungan suku kata, perkataan dan ayat yang dibaca bolehlah ditulis di dalam buku tulis. Baki kanak-kanak berusia kurang 5 tahun, penulisan hendaklah dibuat secara bersahaja, menulis bebas dan banyakkan penulisan melalui aktiviti sensori yang melihatkan jari jemari seperti mengecat huruf, menekap, dan meniru bentuk.

### NOTA



*Kad Imbasan Bacalah Anakku mengandungi kad-kad huruf untuk digunakan mengajar rantaian bunyi atau menggabung bunyi untuk membaca perkataan yang panjang*

*RM 20.00  
( 0% GST )*



*Poster Bacaan sangat membantu kanak-kanak melancarkan bacaan mereka*

*Carta Bunyi  
RM 3.00*

*Set Poster Bacaan  
RM 33.00*

### TAHUKAH ANDA ?

*Kebanyakan kanak-kanak di bawah usia 4 tahun tidak suka menulis kerana kawalan motor halus dan kordinasi mata-tangan yang belum mantap*

# Aktiviti 1

## Menyanyi - “Lagu Abu Ada Ayam”



Abu ada ayam a, a, a,  
Itik ikut ibu i,i,i,  
Ular usik ulat u,u,u,  
Bobo main bola b,b,b,



Nani nangis-nangis n,n,n,  
Mimi makan maggi m,m,m,  
Sani hisap susu s,s,s,  
Kakakku ketawa k,k,k,



Tuti tembak-tembak t,t,t,  
Yaya main yo-yo y,y,y,  
Cumi cuci cermin c,c,c,  
Papa paku papan p,p,p,



Debar dada didi d,d,d,  
Gigi Gani goyang g,g,g,  
Lili nyanyi lagu l,l,l,  
Rani ronda-ronda r,r,r,



Hari-hari hujan h,h,h,  
Jalan jengket-jengket j,j,j,  
Wani bawa wisel w,w,w,  
Fifi naik feri f,f,f



Zirafah dalam zoo z,z,z  
Vivi bawa van v, v, v,  
Oji jual oren o,o,o,  
Enam ekor enggang e,e,e,  
Ema masak enak e,e,e,



### NOTA



Poster Asosiasi Bunyi mengandungi ilustrasi lagu abu ada ayam untuk membantu guru dan kanak-kanak di dalam kelas

RM 3.00  
( 0% GST)

### TAHUKAH ANDA ?


Kanak-kanak pada tahap taska iaitu 3 tahun ke bawah lebih suka belajar bunyi melalui lagu dan pergerakan kreatif menyebut bunyi tanpa perlu ditunjukkan simbol huruf lagi

## Aktiviti 2

# Membuat Carta Poket

No TA

### Cara Membuat



1. Lukis satu karakter kartun yang diminati kanak-kanak masa kini.
2. Tampalkan jalur plastik
3. Lekatkan selotep di sebelah kiri , kanan dan bawah plastik

Dapatkan set kad tarik yang kami jual untuk memudahkan anda.



### Kad Tarik


Kad manila dan strip plastik untuk dibuat alat bantu mengajar

RM 5.00  
( 0% GST)

## Aktiviti 3

# Membuat Kad Tarik

### Cara Membuat



1. Lukis satu karakter kartun yang diminati kanak-kanak masa kini.
2. Potong di dua bahagian, A dan B , di atas dan di bawah dengan lebar yang sama dengan lebar kad tarik
3. Masukkan dua keping kad tarik melalui celah potongan tersebut
4. Tulis huruf-huruf yang berkaitan

### TAHUKAH ANDA ?

Lukisan karakter kartun kegemaran ramai mungkin akan dapat menarik minat kanak-kanak yang aktif untuk duduk bersama anda membaca

## Aktiviti 4

# Bermain sambil belajar

Contoh Permainan 1 (Rujukan Buku Permainan Kreatif)

### Cuba Ingat (Memory Game)

Sediakan kad yang berpasangan. Setiap kanak-kanak membuka 2 kad, satu per-satu sambil menyebut bunyi. Tutup balik jika bunyi tidak sama selepas kad kedua dibuka. Jika 2 kad adalah sama bunyinya, kanak-kanak boleh mengambil kad tersebut dan membuka sambil membaca 2 keping kad lagi. Jika tidak sama kanak-kanak berikutnya pula membuka 2 keping kad.

### NOTA



Permainan Kreatif mengandungi panduan untuk guru mengajar gabung bunyi dan permainan yang sesuai untuk dilaksanakan di dalam kelas / rumah dengan berkesan

RM 10.00  
( 0% GST )

Contoh Permainan 2

### Pijak Huruf

Taburkan kad-kad huruf yang mengandungi gabungan bunyi yang diajar di atas lantai. Susun kanak-kanak supaya mereka berdiri dalam bulatan sambil memegang tangan. Nyanyi lagu sambil membunyikan gabungan bunyi ( suku kata ). Sebut satu gabungan ('ma' contohnya) dan biar kanak-kanak pijak di atas kad huruf 'm' dan 'a'. Awas, lepaskan tangan semasa memijak dan jangan tunduk.

Contoh Permainan 3

### Bina Perkataan

Letakkan dua set kad suku kata yang telah dipelajari di papan tulis - satu bahagian untuk kumpulan kiri dan satu untuk kumpulan kanan. Tunjukkan gambar yang menggambarkan perkataan yang dapat dibina daripada suku kata yang ada. Bantu kanak-kanak menggabungkan suku kata untuk dijadikan perkataan. Ulang dengan kanak-kanak lain secara pertandingan.



Poster Bacaan sangat membantu kanak-kanak melancarkan bacaan mereka

Carta Bunyi RM 3.00

Set Poster Bacaan RM 33.00

Contoh Permainan 4

### Bina Ayat

Lekatkan beberapa keping kad perkataan di atas papan tulis berdasarkan perkataan yang diajar dalam buku. Minta kanak-kanak berlumba ke papan tulis untuk mengambil perkataan yang disebutkan oleh guru. Ulang dengan perkataan lain untuk kanak-kanak lain dalam kumpulan masing-masing. Bina ayat daripada perkataan yang direbut oleh kanak-kanak di papan tulis. Baca bersama-sama dan tulis ayat yang dibina.

Contoh Permainan 5

### Gabungan 3 bunyi

Lekatkan 2 set kad suku kata yang ditulis secara menurun. Letakkan beberapa kad bunyi yang akan digunakan sebagai bunyi ketiga untuk digabungkan dengan 2 bunyi dalam suku kata yang ada. Guru menyebut gabungan 3 bunyi tersebut, contohnya 'ban' dan kanak-kanak akan meletakkan kan 'n' di sebelah kanan 'ba' untuk menjadi 'ban'. Ulang dengan kanak-kanak lain.

Jom sertai Bengkel Permainan Kreatif!

# Panduan 3

## Tips Mengajar Mengeja dan Menulis

### MENGEJA

Apabila mengajar kanak-kanak membaca, kita sepatutnya pada masa yang sama, mengajar mereka mengeja dan menulis. Pastikan aktiviti mengeja dan menulis bersetujuan dengan tahap umur kanak-kanak.

Bagi setiap perkataan anak pandai baca, pastikan dia tahu mengeja dan menulis perkataan tersebut.

#### LANGKAH ASAS

1. Ajar membaca perkataan dengan menggabung bunyi..
2. Mengeja lisan : Ajar mengeja perkataan ala fonik(lisan) dengan menyebut bunyi (speech sounds) sahaja. Latih anak mengeja perkataan menggunakan jari.

Sebelum mengajar kanak-kanak menulis (imlak/dictation) perkataan, perbanyakkan latihan mengeja lisan.

### MENULIS

Terdapat 3 tahap penulisan.

- I. Menekap (Tracing)    II. Menyalin (Copying)    III. Imlak (Dictation)

Ibu bapa dan guru yang sedang mengajar anak menulis perlu ingat bahawa menulis adalah kemahiran yang lebih tinggi daripada membaca. Untuk menulis kanak-kanak perlu fikir dalam otak, simbol apa mewakili bunyi mana, kemudian menulis simbol tersebut. Kanak-kanak hebat mengeja dan menulis sekiranya dia mantap membaca dengan menggabung bunyi dan kerap dilatih mengeja.

LANGKAH 1: Ulang-sebut perkataan / frasa / ayat pendek.

Ibu / guru menyebut perkataan / frasa / ayat pendek di dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Anak mengulang sebut.

LANGKAH 2: Mengeja lisan ( Oral spelling)

Ibu / guru sebut perkataan. Anak menyebut setiap bunyi huruf.

Contoh BM      Ibu/guru: Siku      Anak: Siku, / s - i - k - u /

LANGKAH 3: Menulis perkataan / frasa / ayat pendek dalam bahasa Melayu

### NOTA




Fonetik Ekspres  
1 & 2

buku aktiviti asas untuk membantu kanak-kanak mengecam, mengenalpasti, membezakan simbol dan menulis huruf dan perkataan mudah

RM 4.90 dan RM 5.90 setiap satu

( 0% GST )



Buku Penulisan Kreatif mengandungi idea-idea menulis karangan pendek yang kreatif untuk anak-anak 6 tahun dan sekolah rendah

RM 10.00  
( 0% GST )


# Panduan 4

## Cadangan pelaksanaan di tadika dan sekolah

Bagi pelaksanaan mengajar membaca berdasarkan kaedah fonik yang berkesan, anda disarankan agar melaksanakan idea berikut:

1. **Mengadakan Taklimat** untuk ibu bapa / guru untuk memaklumkan mengenai kaedah ini, keberkesanannya, bagaimana cara mengajarnya dan bagaimana ibu bapa boleh membantu anak mereka di rumah.
2. **Menetapkan objektif pencapaian** untuk kanak-kanak mengikut tahap berikut:  
4 tahun - boleh menyebut bunyi dan mengecam simbol asas dalam buku 1-5 dan dapat menggabung secara mudah dua bunyi - konsonan b,m,n,s,k dengan a,i,u.  
5 tahun - mengenalpasti bunyi dan simbol, boleh menggabung dan membaca sehingga buku 6 sekurang-kurangnya dan boleh menulis perkataan  
6 tahun - menguasai kemahiran membaca sehingga buku 8 sekurang-kurangnya dan boleh menulis karangan
3. **Rancang pengajaran** anda berdasarkan tahap umur kanak-kanak dengan merujuk kepada Buku Rancangan Mengajar kami yang mengandungi tajuk dan kemahiran yang telah disusun berdasarkan jangka waktu yang telah ditetapkan mengikut tahap pencapaian objektif membaca.
4. **Menyusun Jadual Waktu** untuk belajar. Peruntukan sekurang-kurangnya 30 minit sehari untuk sesi belajar membaca yang dibuat setiap hari ataupun paling kurang 3 kali seminggu.
5. **Mengamalkan kaedah fonik gabung bunyi** yang betul dalam pengajaran. Mulakan dengan bunyi, memperkenalkan simbol menggunakan kad huruf, baca dan kenal simbol dalam buku, mengajar gabung bunyi dengan mantap menggunakan kad, baca gabungan dalam buku, elakkan mengeja bunyi apatah lagi mengeja nama huruf.
6. **Pendekatan mengajar** hendaklah berdasarkan kaedah kelas bukan secara individu. Banyakkan aktiviti belajar sambil bermain dan menilai kemampuan kanak-kanak membaca secara tidak langsung
7. **Mengadakan sesi pemulihan** untuk kanak-kanak yang lambat menguasai mana-mana kemahiran supaya mereka tidak ketinggalan dan memberi peluang kepada kanak-kanak yang cepat untuk terus maju.
8. **Mewujudkan suasana kondusif** untuk menggalakkan kanak-kanak membaca dengan menggunakan kad-kad tarik, poster bacaan, salinan semula teks di dalam buku, kad-kad perkataan. Beri hadiah dan pengiktirafan kepada kanak-kanak yang menunjukkan peningkatan yang baik.
9. **Iktiraf pencapaian** kanak-kanak dengan mengadakan Carta Prestasi, Hari Anugerah Membaca atau Pertandingan Membaca sebagai dorongan dan galakan kepada mereka. Dapatkan *Sijil Tamat Membaca* secara percuma daripada Readnetwork bagi kanak-kanak yang telah tamat membaca.

NOTA



Dapatkan  
Sijil Tamat  
Membaca  
PERCUMA  
daripada  
ReadNetwork!



Buku Rancangan  
Mengajar  
mengandungi  
cadangan tajuk dan  
kemahiran yang patut  
diajar mengikut tahap  
umur kanak-kanak  
dari umur 4 tahun  
hingga kepada murid  
pemulihian

RM 10.00  
(0% GST)

# Panduan 5

## Tips Mengajar di rumah

NOTA

### Tips 1 Masa mesti singkat

Kanak-kanak kecil hanya dapat memberi tumpuan yang singkat sahaja semasa belajar. Oleh itu luangkan masa untuk mengajar di antara 2 - 5 minit sahaja.  
JANGAN LAMA-LAMA

### Tips 2 Berhenti sebelum jemu

Pastikan anda berhenti SEBELUM mereka jemu ( get bored ) supaya mereka masih berasa gembira. Pengalaman akhir akan memudahkan mereka senang dengan belajar. Kenalpasti tanda-tanda jemu pada anak anda

### Tips 3 Kerap, Kerap , Kerap

Ulang aktiviti belajar 2 - 3 kali sehari sama ada selepas anda pulang dari kerja, selepas makan malam atau selepas rancangan TV atau sebelum tidur.

### Tips 4 Keep Cool !

Untuk memastikan anak anda belajar dengan baik dan sukaan anda, pastikan anda sentiasa COOL , TENANG dan CERIA semasa mengajar. Elakkan diri daripada marah, tidak sabar, memaksa atau mendenda. Cuba Tips 5 dan 6 untuk pembelajaran yang berkesan.

### Tips 5 Beri pujian dan hadiah

Banyakkan pujian-pujian yang boleh menggalakkan mereka sentiasa hendak belajar dan memberikan hadiah-hadiah yang sesuai untuk mengekalkan minat dan tumpuan belajar. Bintang, cococrunch, kismis, M&M, tudung botol, batang ais krim boleh saja menggembirakan mereka.

### TAHUKAH ANDA ?

Setiap pujian yang anda beri akan menjadikan sel neuron anak anda aktif dan berkembang yang menyebabkan maklumat dapat sampai dengan lebih pantas dan kekal

### Tips 6 Belajar sambil bermain

Bermain adalah dunia kanak-kanak. Masukkan unsur bermain dalam sesi belajar anak anda seperti aksi asosiasi, berlari merebut kad, main *memori game* , pijak huruf, teka huruf, dan sebagainya supaya mereka sentiasa teruja untuk belajar. Rujuk buku permainan kreatif untuk idea-idea bermain yang menarik. Selang-selikan dengan aktiviti menampal, menggunting, mewarna cat air, menekap dan seumpamanya untuk menggalakkan pembelajaran.

Get more info at [www.cepatmembaca.blogspot.com](http://www.cepatmembaca.blogspot.com)

# Peluang ! Opportunities !

## Buka Kelas Membaca

NOTA

Di sebalik usaha kerajaan mencapai Sifar Buta Huruf masih ramai kanak-kanak yang tidak ada masalah keupayaan membaca yang tidak dapat membaca lebih-lebih lagi di kampung dan di bandar. Antara sebab utama ialah kaedah yang tidak sesuai dengan mereka. Apa kata anda membuka kelas membaca di tempat anda. Dapat **modul khas** dan **kursus khas** dengan mengambil Program Licensing Kelas Membaca Bacalah Anakku & ReadEasy.

*Maklumkan minat anda dengan menghantar alamat email anda melalui SMS ke 012-9832276. Taip 'MINAT KELAS MEMBACA' space 'email anda' Kami akan menghubungi anda melalui email atau nombor telefon anda atau lawat <http://www.readnetwork.com/readnbaru/phonicSMART.html>*



## Program Prasekolah Bacalah Anakku Playschool Creative- Play Curriculum

Anda ada tadika sendiri? Anda perlukan program prasekolah yang menarik dan dilengkapi dengan lebih **500 rancangan mengajar** yang terperinci - ada objektif, aktiviti, langkah mengajar, cadangan aktiviti kerja , lagu-lagu dan cerita-cerita - yang memenuhi kriteria Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan? Tanpa anda bersusah payah berfikir untuk guru anda, tanpa kos francais yang ratusan ribu, tanpa caj tahunan, tanpa caj per pelajar, tanpa bayaran tambahan , tanpa ikatan yang berat sebelah?

*Layari : [http://www.bacalahanakku.com/bap\\_setapak.html](http://www.bacalahanakku.com/bap_setapak.html) ATAU hantar SMS Taip 'MINAT PROGRAM PRASEKOLAH' space 'email anda' ke 018-9494806 Kami akan menghubungi anda melalui email atau nombor telefon anda.*



## Penganjur Kursus / Seminar

Kini, anda boleh menjadi pelopor kaedah membaca gabung-bunyi Bacalah Anakku dan ReadEasy dengan menjadi penganjur di kawasan anda. Anda berpeluang menjana pendapatan tambahan dengan komisen penganjuran dan hasil jualan dengan diskauan khas pada hari kursus.

*Maklumkan minat anda dengan menghantar alamat email anda melalui SMS ke 012-9832276. Taip 'MINAT ANJUR KURSUS' space 'email anda'. Kami akan menghubungi anda melalui email atau nombor telefon anda.*

### TAHUKAH ANDA ?

Little Aulad Playschool telah mula beroperasi pada tahun 1996 di Kota Bharu, Kelantan yang mengamalkan program creative play yang dinamik

# Links / Pautan

## [www.cepatmembaca.blogspot.com](http://www.cepatmembaca.blogspot.com)

### NOTA

Mengandungi panduan dan artikel terkini mengenai cara yang berkesan mengajar anak anda membaca. Ditulis dan dikemaskini oleh Pn Nik Eliani Nik Nawi. Sesuai untuk ibu bapa yang hendak mengajar anak 4 - 7 tahun membaca di rumah dan guru-guru tadika mengajar murid-muridnya.

email : [nikeliani83@yahoo.com.my](mailto:nikeliani83@yahoo.com.my)

## [www.readnetwork.online/new/supportcentre.html](http://www.readnetwork.online/new/supportcentre.html)

Panduan mengajar dan menyebut bunyi bahasa Melayu dan Inggeris serta lagu fonik AAA dan Cory Cat di Support Centre [www.readnetwork.com](http://www.readnetwork.com)

## [www.bacalahanakku.com/bap\\_setapak](http://www.bacalahanakku.com/bap_setapak)

Memaparkan berita dan aktiviti tadika kami , Bacalah Anakku Playschool yang menggunakan Program Prasekolah Bacalah Anakku Creative-Play Curriculum yang dinamik dan menarik. Sesuai untuk pengusaha dan guru tadika yang inginkan kelainan dengan keistimewaan kami mengendalikan tadika kami.

Info Lanjut : [baec.setapak@gmail.com](mailto:baec.setapak@gmail.com)

## [www.readnetwork.com](http://www.readnetwork.com)

Website utama kami yang mengandungi semua maklumat buku-buku terbitan dan jualan kami, galeri gambar kursus, makluman kursus , forum , peluang menjadi pengedah, mendapatkan tawaran-tawaran istimewa dan macam-macam lagi maklumat penting dalam pendidikan membaca awal untuk semua peringkat masyarakat.

Info Lanjut : Telefon 03-4143 5440 Faks : 03- 4143 5441 SMS : 012-983 2276

email : [admin@readnetwork.com](mailto:admin@readnetwork.com)

## <https://www.facebook.com/Nik Eliani Nik Nawi>

Follow us on Facebook. Lihat komen-komen menarik dan pautan video anak-anak kecil membaca yang dihantar oleh ibu bapa yang telah berjaya mengajar anak kecil mereka membaca. Kongsi pandangan dan komen anda dengan kami. Setiap komen anda mungkin akan memanfaatkan orang lain.

### TAHUKAH ANDA ?

Terdapat banyak video yang boleh dimuat-turun melalui Youtube yang dirakam oleh ibu bapa yang mempunyai anak kecil seawal 3 tahun membaca menggunakan buku kami